

Headline	THT berpesta gol		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	38
ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>	Journalist	FADHILULIZMELIS
PR Value	RM 12,511		



Hampiri kejuaraan hatrik Piala TNB

# THT berpesta gol

Oleh **FADHILUL IZMEL ISHAK**  
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 SEPT.

**P**ASUKAN Hoki Terengganu (THT) mengesahkan status sebagai calon untuk mempertahankan kejuaraan Piala TNB selepas membelasah Maybank 6-1 dalam separuh akhir pertama di Stadium Hoki Kuala Lumpur, hari ini.

THT yang baru mengungguli kejuaraan Liga Hoki Malaysia buat musim ketiga berturut-turut nyata bukan tandingan Maybank, pasukan yang turut ditewaskan dalam dua pertemuan terakhir mereka dalam liga musim ini.

Biarpun menampilkan aksi cemerlang, pengendali THT Sarjit Singh enggan mendabik dada dengan menganggap tiket *final* sudah pasti milik mereka.

“Pemain saya bermain bagus hari ini. Selepas ketinggalan satu gol, mereka bangkit menjaringkan enam gol.

KEPUTUSAN			
SEPARUH AKHIR 1			
THT	6	MAYBANK	1
SAPURA	3	KLHC	1

“Walaupun prestasi kami belum di tahap terbaik tetapi pasukan tetap mampu menghasilkan enam gol, jadi ia pasti memberi keyakinan tinggi kepada pemain.

“Begitupun, ini baru separuh akhir pertama. Masih ada aksi timbal balik, jadi kami belum berada di *final*,” katanya.

Dalam perlawanan itu, THT terlebih dulu dikejutkan dengan gol pembukaan Maybank menerusi Muhammad Firdaus Fauzi seawal minit ketujuh.

Bagaimanapun, THT membuktikan mereka berada di kelas tersendiri apabila bangkit dengan enam gol, lima daripadanya menerusi jaringan padang.

Kesemua gol THT dihasilkan Ismail Abu pada minit ke-16 sebelum Faizal menjaringkan gol kedua pada minit ke-44. Selang

lima minit kemudian, Ismail mengukuhkan kedudukan sebelum Jang Jong Hyun menambah derita Maybank pada minit ke-50.

THT semakin rakus merobek gawang lawan apabila Faizal dan Muhammad Amirul Mirza Rosli menjaringkan gol masing-masing pada minit ke-53 dan minit ke-57.

Sementara itu, pengendali Maybank, Shaiful Azli Abd. Rahman tetap optimis untuk bangkit pada aksi timbal balik Jumaat ini biarpun ketinggalan lima gol.

“Kalau dilihat kepada jumlah jaringan kami ketinggalan lima gol tapi itu tidak mustahil. Pada aksi seterusnya kami cuba atasi kelemahan pasukan,” katanya.

Sementara itu, dalam satu lagi saingan separuh akhir, Sapura menumpaskan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) 3-1.

Jaringan mereka disempurnakan oleh Oscar William Wookey, Phillip Ross Burrows dan Gurbaj Singh, manakala gol tunggal KLHC dijaringkan Hyunwoc Nam.